



Berkorbanlah Dengan Hati yang Ikhlas

Oleh: Abdul Qadir bin Awang Kechik

Bagi biasa, selepas Hari Raya Aidil Fitri

maka datanglah pula Hari Raya Aidil Adha. Begitulah

kehendak masa – datang dan pergi saling terjadi.

Hari yang lalu telah pun dipunyai oleh sejarah, hari

yang akan datang belum tentu lagi, hari siapa dan

untuk apa.

Oleh kerana waktu yang telah lalu telah menjadi hiasan

sejarah, maka inilah saya mempersoalkan sedikit

tentang sejarah Aidil Adha atau hari raya (haji).

Perkataan korban bermakna ((barang yang dihampirkan

Menurut huraian kamus, korban diertikan

persembahan kepada Yang Maha Berkuasa, seperti Nabi Ibrahim menyembelih anaknya yang dikasihi bernama Ismail kerana diperintahkan Tuhan. Tetapi ketika Nabi Ibrahim membuka matanya maka anaknya telah diganti Tuhan dengan kambing kibash.

Perbuatan Nabi Ibrahim itu ditiru orang Islam

pada hari raya haji menyembelih kibash atau kambing di padang

yang bernama Mina; melakukan korban, sekarang korban

beerti pula mangsa. Contohnya korban buaya, korban

harimau. Orang mati di dalam mengorbankan nyawa dan

harta benda untuk kemerdekaan, merayakan segala-galanya

untuk kemerdekaan bangsa.

Korban ini bermula di waktu Nabi Allah Adam '*alayhi*

al-salām masih hidup lagi. Di antara anak-anak nabi Allah

Adam, seorang bernama Habil dan saudara perempuannya

(kembar) bernama pula 'Arifah, dan seorang bernama Qabil

serta saudara perempuannya (kembar) bernama Iqlima.

Telah menjadi hukum pada masa itu – kerana

manusia belum kembang – boleh berkahwin adik-beradik

asalkan bukan saudara kembar. Atas dasar itu Nabi

Adam hendak mengahwinkan Habil bersama Iqlima (saudara

kembar Qabil) dan Qabil ditentukan dengan 'Arifah (saudara

kembar Habil). Qabil menolak kehendak ayahnya itu. Dia

tidak berkehendak kepada 'Arifah, sebab 'Arifah rupanya lebih

buruk daripada saudara kembarnya sendiri.

Ayahnya menerangkan bahwa dia tidak boleh berbuat

apa-apa kerana itu perintah Allah Ta'ālā supaya ia

berbuat demikian. Qabil tetap menegaskan berkali-kali

Iqlima sangat patut diserah berkahwin dengannya, tetapi

hajatnya tidak juga sampai dan akhirnya berkahwinlah

saudaranya Habil dengan Iqlima. Hati Iqlima meluap-luap panas, dia bertambah-tambah galak menuntut supaya Habil menyerah dengan jalan yang selamat. Kalau tidak dia mengancam akan bertindak secara liar. Habil menjawab bahawa yang mengahwinkannya ialah ayah sendiri dan kepada ayah ia mesti patuh. Qabil menggugat lebih keras, bahawa dia akan membunuh Habil. Habil menjawab, bahawa ia tidak akan melawan kerana takut kepada perintah Allah.

Pertelingkahan itu supaya kepengetahuan ayah mereka Nabi Allah Adam. Ayahnya menasihatkan supaya Qabil tidak patut berkelakuan demikian – sebab Allah menetapkan hukum yang demikian. Tetapi kalau ragu-ragu lagi mendengar perintah Allah, bawalah korban di suatu tempat, siapa yang benar Allah akan menerima korbannya. Kedua anak Nabi Allah Adam menyambut suruhan ayahnya. Keesokkan harinya Qabil membawa kibash dan Habil membawa barang-barang tanaman, untuk dipersembahkan ke hadrat Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana, berdoalah mereka kepada Allah permintaan masing-masing, mudah mudahan dimakbulkan.

Dengan kehendak Allah turunlah api dari langit sebagai menentukan korban mereka, lalu menjilat benda yang dijadikan korban oleh Habil yang jujur dan berhati ikhlas sebagai alamat bahawa korbannya telah diterima oleh Allah *'Azza wa Jalla*. Bagai api yang disiram dengan minyak – tentulah semakin kuat semaraknya. Begitulah hati Qabil pada waktu itu. Tuhanlah sahaja yang Maha Mengetahui. Rancangan lama, hendak mengambil nyawa dengan cara membunuh – mula berkira-kira. Qabil tak puas hati selagi Iqlima yang rupanya belum

menjadi isterinya. dengan secara lembut atau keras tidak menjadi soal, cuma Iqlima –Iqlima itu mesti dapat.

Qabil pergi ke rumah Habil, tetapi tidak dapat ditemui, kerana ia telah kelaur dari rumahnya untuk mencari untanya. Oleh kerana letih berjalan Habil berehat di sepohon pokok yang besar, lalu tertidur.

Bacalah!

Sudah Terbit!

Buku-buku Syuhada'

Disusun oleh:

Edrus

- | | |
|--|--------|
| 1. Hamzah bin Abdul Muṭṭalib | 50 sen |
| 2. Nusaibah – Pahlawan Wanita Islam | 50 " |
| 3. Ikramah bin Abu Jahal | 50 " |
| 4. Sa'ad bin Rabi' | 50 " |
| 5. Sa'ad bin Mu'adh | 50 " |
| 6. Nu'man bin Muqrin | 50 " |
| 7. Ja'afar bin Abi Ṭalib | 50 " |
| 8. Anak Abdullah bin ubay | 50 " |
| 9. Anak angkat Rasulullah | 50 " |
| 10. Abu Huzaifah bin 'Utbah | 50 " |

Lain-lain buku tawarikh

- | | |
|--|---------------|
| Sejarah Ringkas Muhammad (S.A.W.) (Oleh Edrus) | \$1.20 |
| Bilal – (Oleh Abdullah Basmeh) | \$1.20 |
| Muhammad (S.A.W) (Oleh Abdullah Basmeh) Empat penggal Sepenggal | \$1.20 |

di-terbitkan oleh:

QALAM

356/358, Geylang Road,

SINGAPORE 14.

pada saat itu Qabil pun tiba di situ. Berjumpalah di antara dua manusia yang kini telah bermusuhan. Berfikir-fikirlah Qabil cara hendak membunuh itu, tiba-tiba datanglah seorang tua membawa seekor ular yang telah mati. Qabil bertanya kenapa ular itu mati masih kamu bawa? Orang tua itu menjawab; ular itu hanya baharu sahaja mati, ketika hidup dia sangka ular itu baik. Sambil dia menggerakkan kepalanya, ular itu memagutnya, dia pun ambil seketul dihentam ke kepalanya langsung mati. Sebenarnya orang tua – ialah iblis yang menyamar sebagai manusia supaya Qabil lebih bertambah marahnya kepada Habil.

Sebagaimana orang tua itu membunuh ular dengan ketul batu begitu pula Qabil menghempap kepada saudaranya Habil dengan batu. Darah berhamburan keluar Habil pun mati di situ juga. Aduhai gelisah Qabil bertambah-tambah apakah hendak dibuatnya mayat saudaranya itu? Qabil bingung dengan tak tentu arah lakunya.

Maka Tuhan menurunkan dua ekor gagak berkelahi, seekor daripada mati. Lalu gagak yang hidup mengali lubang di tanah dan menimbus gagak yang mati itu. Cara itulah juga Qabil menimbuskan mayat saudaranya.

Di dalam al-Qur’ān surah al-Mā’idah ayat 27-31, Allah Ta’ālā menyatakan kejadian ini, maksudnya:

“Dan bacakanlah (Ya Muhammad) kepada mereka akan riwayat dua orang anak Adam (Qabil dan Habil) dengan sebenarnya, baik tatkala mereka berdua mempersembahkan

korban (kepada Allah), lalu (Allah) menerima korban salah seorang daripada keduanya dan tiada menerima akan korban yang seorang lagi. Ia (Qabil) berkata: “Sesungguhnya aku akan membunuh engkau”. Ia (Habil pula) menjawab “Sesungguhnya Allah hanya menerima daripada orang-orang yang taqwa.

“Sesungguhnya (kata Habil lagi) kalau engkau hulurkan tanganmu kepada aku untuk membunuhku, tiadalah aku akan menghulurkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu, (kerana) sesungguhnya aku takut kepada Allah Tuhan sekalian alam.

“Sesungguhnya aku mahu supaya engkau menanggung dosaku dan dosamu maka (dengan itu) engkau jadi dari ahli-ahli neraka, kerana yang demikian itu ialah balasan bagi orang-orang yang zalim.”

“Maka (kesudahannya) hawa nafsu (Qabil) memudahkan dia membunuh saudaranya (Habil), lalu dibunuhnya, maka jadilah ia (Qabil) daripada orang yang rugi.

“Allah Ta’ālā pun mengirim seekor burung gagak, mengorek (lubang) di tanah (dengan paruhnya dan kakinya) untuk memperlihatkan kepadanya (Qabil) bagaimana (cara) ia menimbus mayat saudaranya itu. Ia pun berkata: “Amat celakalah aku! adakah aku tiada berupaya (melakukan) seperti (yang telah dilakukan) oleh burung gagak ini untuk menimbus mayat saudaraku?” Maka jadilah ia daripada orang-orang yang menyesali diri sendiri.”

dengan itu teranglah bagi kita bahawa Tuhan menerima

korban dari segi keikhlasan hati.

Tetapi Qabil berkorban bukan kerana demikian, hanya kerana malu dan terpaksa. Sebab itu Allah menerima korban Habil dan tiada menerima korban Qabil. Lalu Qabil marah dan kerana dengki ia pun membunuh saudaranya. Begitulah apabila penyakit hawa nafsu dan dengki di tengah mendalam di dalam jiwa – seseorang – maka ia akan terdorong melakukan perkara yang keji.

Saudara-saudara pembaca yang budiman, kerana seorang gadis yang rupawan bernama Iqlima menyebabkan nyawa Habil hilang. Kerana diri Qabil telah dikuasai oleh nafsu nafsi yang liar, itulah kisah pertama di dalam sejarah yang bumi Tuhan ini dibasahi darah. Tetapi Nabi Allah Ibrahim telah disuruh berkorban oleh Allah dengan menyembelih anaknya Ismail, tidak merebut seorang gadis, tidak merebut sebuah gunung intan. Allah ‘Azza wa Jalla mewahyukan supaya Nabi Ibrahim menyembelih anaknya yang dikasihi. Nabi Allah Ibrahim telah tunduk menjunjung perintah itu dan menjalankannya – sedang anaknya pula reda dan bersedia menjadi korban, ia patuh kepada perintah Allah ‘Azza wa Jalla, Tuhan yang menjadikan alam semesta ini. Berlangsunglah penyembelihan korban itu, tetapi akhirnya dengan belas kasihan Allah ‘Azza wa Jalla, maka seekor kambing kibash yang besar telah dihantar oleh Tuhan menjadi penebusnya. Sejak itu, perbuatan menyembelih korban pun menjadi satu kebajikan dalam syariat Nabi Allah Ibrahim dan



Empat pelajar dari Madrasah al-Yahyawiyah Padang Rengas Kuala Kangsar, bergambar untuk kenangan kerana memberi selamat berpisah kepada rakan mereka yang akan melanjutkan pelajarannya di Mekah al-Mukarramah. Duduk dari kanan, Idris Hussin (yang diraikan) dan Zaini Bakri. Manakala yang berdiri dari kiri: Hussin Sa‘ud dan Sayyid Hussin al-Edrus.

* * *

juga dalam syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ. Di dalam al-Qur‘ān al-Karīm, surah al-Kauthar junjungan kita dipertahankan oleh Allah, maksudnya: “Sesungguhnya kami Allah, memberi engkau (Ya Muhammad) akan kebajikan yang banyak. Sebab itu sembahyanglah engkau kerana Allah dan berkorbanlah (pada hari raya Aidil Adha). Sesungguhnya orang yang benci kepada engkau itulah orangnya yang terputus dan pupus.”